

# **INSURANS TRAVELRIGHT PLUS (PERLINDUNGAN SATU PERJALANAN / TAHUNAN)**

## **Helaian Pendedahan Produk**

*Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans TravelRight Plus. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.*

### **1. Apakah keterangan tentang produk ini?**

MSIG TravelRight Plus adalah insurans komprehensif yang memberi pampasan untuk pelbagai kejadian di luar dugaan yang berlaku semasa perjalanan anda. Contohnya, waktu penerangan ditunda, bagasi hilang, jatuh sakit, kemalangan...bermacam-macam juga boleh berlaku. Bila anda memgembira ke luar negara, sama ada untuk perniagaan atau percutian, anda memperolehi perlindungan dengan polisi ini di sepanjang perjalanan anda. Anda juga mempunyai opsyen memilih perlindungan bagi satu perjalanan atau perlindungan tahunan bagi perjalanan-perjalanan yang tidak terhad di dalam polisi tahunan.

Semua rakyat Malaysia, Pemastautin Tetap, Individu Bukan Pemastautin, Pemegang Permit Kerja/Pas Pekerjaan atau orang yang bekerja secara sah di Malaysia dan Tanggungan mereka layak untuk memohon.

### **2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:

Seksyen 1	Kemalangan Diri - Kematian/Kehilangan Upaya Secara Menyeluruh dan Kekal - Tabung Pendidikan Anak <sup>o</sup>
Seksyen 2	Perbelanjaan Perubatan dan Lain-lain - Perbelanjaan Perubatan - Perubatan Alternatif - Rawatan Susulan di Malaysia (sehingga 45 hari) - Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Membawa Balik ke Malaysia* - Penghantaran Balik Jenazah (termasuk Pengebumian dan Pembakaran Mayat)* - Pendapatan Hospital - Penjagaan Ehsan <sup>o</sup> - Penjagaan Anak <sup>o</sup>
Seksyen 3	Bagasi dan Barang-barang Peribadi
Seksyen 4	Kelewatan Bagasi
Seksyen 5	Wang Peribadi dan Penggunaan Kad Tanpa Izin
Seksyen 6	Dokumen Perjalanan
Seksyen 7	Pembatalan Perjalanan
Seksyen 8	Pemendekan Perjalanan
Seksyen 9	Kelewatan Perjalanan
Seksyen 10	Kegagalan Menyambung Perjalanan
Seksyen 11	Perjalanan Terlebih Tempahan
Seksyen 12	Ketinggalan Perlepasan



Seksyen 13	Pengalihan Tujuan Perjalanan
Seksyen 14	Kehilangan Deposit Perjalanan
Seksyen 15	Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa dan Ekses Kereta Sewa
Seksyen 16	Liabiliti Peribadi
Seksyen 17	Kerugian Penggunaan Kemudahan Hotel
Seksyen 18	Kandungan di Dalam Rumah°
Seksyen 19	Perlindungan Aktiviti Yang Mencabar
Seksyen 20	Bayaran Telefon Kecemasan
Seksyen 21	Pengaturan Pengangkutan Alternatif
Seksyen 22	Perkhidmatan Bantuan Perjalanan Seluruh Dunia

**Nota:**

- Perlindungan Satu Perjalanan - tempoh perjalanan ke luar negara termasuk ulang-alik ke Malaysia tidak boleh melebihi seratus lapan puluh lima (185) hari.
- Perlindungan Tahunan - tiada had bilangan perjalanan di dalam polisi tahunan dan setiap perjalanan tidak melebihi sembilan puluh (90) hari.
- Insurans ini hanya akan membayar satu tuntutan yang dibuat di sama ada Seksyen 9 atau 21 untuk kejadian yang sama tetapi tidak kedua-duanya.
- Insurans ini hanya akan membayar satu tuntutan yang dibuat di bawah salah satu Seksyen 9, 10, 11, 12,13 atau 21.
- \* Manfaat ini tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu oleh MSIG Assist. Sila hubungi MSIG Assist untuk mendapatkan bantuan.
- ° Manfaat ini tidak diguna pakai bagi individu bukan pemastautin.

Tempoh perlindungan untuk Perlindungan Tahunan adalah selama satu (1) tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh syarikat pada hari pembaharuan.

Sila rujuk kepada Polisi Dokumen untuk maklumat lengkap tentang Jadual Manfaat Insurans TravelRight Plus.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar untuk perlindungan satu perjalanan?

Jumlah premium yang anda perlu bayar untuk perlindungan satu perjalanan tertakluk kepada Kawasan Perlindungan, Pelan dipilih dan tempoh masa perlindungan. Contohnya, jika anda ingin melancong ke Australia bersama suami/isteri selama tujuh (7) hari, jumlah premium yang anda perlu bayar adalah seperti berikut.

KAWASAN 1	PELAN 1	PREMIUM (RM)	DUTI SETEM (RM)	JUMLAH PREMIUM (RM)
6 - 10 hari	Pemegang Polisi & Suami/Isteri	124.00	10.00	134.00

### 4. Berapakah premium yang perlu saya bayar untuk perlindungan tahunan?

Jumlah premium yang anda perlu bayar untuk perlindungan tahunan tertakluk kepada Kawasan Perlindungan, Pelan dan umur anda semasa membeli perlindungan tahunan. Contohnya, jika anda berumur empat puluh (40) tahun dan ingin membeli perlindungan tahunan Pelan 1 bagi Kawasan 2, jumlah premium yang anda perlu bayar adalah seperti berikut.

PREMIUM UNTUK KAWASAN 2 TERMASUK 6% CP (RM)	DUTI SETEM (RM)	JUMLAH PREMIUM (RM)
405.98	10.00	415.98

## 5. Apakah kawasan geografi perlindungan?

TravelRight Plus melindungi 4 kawasan geografi seperti ditakrifkan di bawah:

- Kawasan 1 -** Australia, Brunei, Cambodia, China (kecuali Mongolia & Tibet), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.
- Kawasan 2 -** Bhutan, Eropah, Mongolia, Nepal, Tibet, United Kingdom dan negara-negara di Kawasan 1.
- Kawasan 3 -** Seluruh dunia dan negara-negara di Kawasan 1 dan 2 kecuali Afghanistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Korea Utara, Rusia, Sudan, Syria, Ukraine dan Venezuela.
- Kawasan 4 -** Untuk perjalanan di antara Semenanjung dan Malaysia Timur dan sebaliknya. Kawasan 4 adalah sebahagian daripada perlindungan Polisi Tahunan.

## 6. Apakah pelan yang disediakan?

	PERLINDUNGAN SATU PERJALANAN	PERLINDUNGAN TAHUNAN
Pelan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan 1</li> <li>• Pelan 2</li> <li>• Pelan 3</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan 1</li> <li>• Pelan 2</li> <li>• Pelan 3</li> </ul>
Perlindungan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang Polisi Sahaja</li> <li>• Pemegang Polisi &amp; Suami / Isteri</li> <li>• Keluarga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang Polisi Sahaja</li> </ul>

Nota:

- Keluarga termasuk anda, suami/isteri anda yang sah di sisi undang-undang dan anak (anak-anak) anda yang tidak berkerja dan bujang berumur di antara tiga puluh satu (31) hari dan tujuh belas (17) tahun.
- Untuk perjalanan ke destinasi berganda yang mana masa transit melebihi dua belas (12) jam, kawasan geografi yang paling luas akan dipakai.
- Perjalanan di antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur dan sebaliknya adalah sebahagian daripada perlindungan Polisi Tahunan TravelRight Plus anda.
- Perjalanan dalam Semenanjung Malaysia atau Malaysia Timur adalah sebahagian daripada perlindungan Polisi Tahunan TravelRight Plus anda, tetapi tertakluk kepada had domestik yang dinyatakan dalam jadual manfaat dan syarat dan peraturan polisi.
- Perlindungan Tahunan hanya terhad kepada individu berumur di antara lapan belas (18) tahun dan enam puluh sembilan (69) tahun dan boleh diperbaharui sehingga lapan puluh (80) tahun.

## 7. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Amaun</u>
• Cukai Perkhidmatan (jika perlu)	• 6% daripada premium
• Komisen yang dibayar kepada Penasihat Insurans sekiranya ada	• 25% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Cukai Perkhidmatan (CP) dengan kadar 6% akan dikenakan ke atas premium anda untuk Kawasan 4 dan Polisi Tahunan.

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung Polisi ini.

#### 8. Apakah sebahagian terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“Syarikat”) dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma dan premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- Setiap perjalanan mesti bermula dan berakhir di Malaysia kecuali Perlindungan Sehala.
- Tempoh perjalanan ulang-alik ke Malaysia mestilah dalam tempoh insurans dan tidak boleh melebihi seratus lapan puluh lima (185) hari untuk Polisi Satu Perjalanan, dan sehingga sembilan puluh (90) hari untuk Perlindungan Tahunan.
- Penyambungan perlindungan tamat tempoh tidak dibenarkan jika anda sudah berada di luar negara atau sudah berlepas ke luar negara.
- Had umur anak adalah di antara tiga puluh satu (31) hari dan tujuh belas (17) tahun.
- **Tunai Sebelum Lindung** - Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar.
- Keterangan perlindungan adalah makluman ringkas untuk rujukan ringkas dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat ada terkandung dalam Dokumen Polisi.

#### 9. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Peperangan atau risiko yang seumpamanya
- Peraturan atau Akta Kerajaan atau Pihak Berkuasa mana-mana negara
- Pengembalaan berbahaya/berisiko tinggi
- Bunuh diri, kecederaan atau kesakitan yang disengajakan
- Kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) alkohol atau dadah
- Menerima rawatan pesakit dalam atau berada di dalam senarai menunggu untuk rawatan pesakit dalam
- Menerima prognosis terminal daripada pengamal perubatan
- Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat pengamal perubatan, atau untuk mendapatkan nasihat perubatan atau rawatan di luar negara
- AIDS, penyakit berkaitan AIDS dan penyakit yang dipindahkan melalui hubungan seks
- Masalah kesihatan yang sedia ada
- Hamil, melahirkan anak, menggugurkan anak atau keguguran kandungan
- Penyakit atau gangguan semulajadi psikologi, mana-mana tahap keresahan dan/atau kemurungan, kegelisahan dan penyakit mental
- Kerja secara manual berhubungan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion
- Mengembara dalam sebuah pesawat udara membawa penumpang yang tidak berlesen penuh

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi senarai penuh pengecualian di bawah polisi.

#### 10. Bolehkah saya membuat pembatalan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi ini dengan syarat tidak ada tuntutan dibuat.



- a) Untuk Polisi Perlindungan Satu Perjalanan, sebelum perjalanan anda bermula dengan memberitahu kami notis bertulis tujuh (7) hari. Anda layak untuk mendapat pengembalian premium yang telah dibayar untuk polisi ini.
- b) Untuk Polisi Tahunan, dengan memberi kami notis bertulis tujuh (7) hari. Anda layak untuk mendapat pengembalian premium pada kadar pendek seperti di dalam polisi.

#### **11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?**

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis dengan serta-merta apabila anda menyedari sebarang perubahan tentang maklumat perhubungan atau maklumat peribadi anda, atau perubahan-perubahan lain yang boleh meningkatkan risiko polisi ini.

#### **12. Di manakah boleh saya mendapat maklumat selanjutnya?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang insurans perjalanan, sila hubungi kami di:

**MSIG Insurance (Malaysia) Bhd**  
No. Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
Bancassurance/Affinity & Online:  
Tingkat 16, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur  
Talian Khidmat MSIG Banca: 1-800-88-6163  
Fax: (603) 2070 5959  
Emel: [hlb\\_online@my.msig-asia.com](mailto:hlb_online@my.msig-asia.com)

**Diedarkan oleh:**  
Hong Leong Bank Berhad  
Level 16, Hong Leong Tower,  
No.6, Jalan Damanlela,  
Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

#### **13. Lain-lain jenis perlindungan insurans perjalanan yang disediakan:**

- Insurans TravelRight Dalam Negara

**NOTA PENTING: ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. JIKA BERKENAAN, ANDA PERLU MENAMAKAN PENAMA DAN MEMASTIKAN BAHAWA PENAMA ANDA SEDAR TENTANG POLISI PERJALANAN YANG ANDA BELI. ANDA HARUS MEMUASKAN HATI ANDA BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENASIHAT INSURANS ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan ini adalah sah pada 7 September 2022.